

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 22 SEPTEMBER 2019**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR  | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI                                |
|-----|---|---|
| 1.  | DOF NAJI LAPORAN TRAFFIC, NASIONAL, SH -18  | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)                              |
| 2.  | DEPT DENIES REPORT ON SHARK CATCH, NATION, DAILY EKSPRESS (KK) -2                             |   |
| 3.  | FISHERIES DEPT REFUTES REPORT ON MALAYSIA'S SHARK CATCH, HOME, BORNEO POST (KK) -1            |   |
| 4.  | 25 BELIA BELAJAR TANAM CILI BARA TEKNIK FERTIGASI, NASIONAL, BH -69                           | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 5.  | PELAN PEMBANGUNAN PERTANIAN SABAH DILANCAR OKTOBERINI, SEMASA, NEW SABAH TIMES BAHASA (KK) -1 | LAIN-LAIN   |
| 6.  | PELAN PEMBANGUNAN PERTANIAN DILANCAR OKT, NEWS, DAILY EKSPRESS – MALAYSIA, -5                 |   |
| 7.  | PELAN PEMBANGUNAN PERTANIAN DILANCAR OKT, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -1                   |   |
| 8.  | AGRICULTURE BLUEPRINT AKAN DILANCAR OKTOBERINI, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10                |   |
| 9.  | NAFAS BAHRU 'GIPSI LAUT', SETEMPAT, METRO AHAD -58  |   |
| 10. | HIDUPAN LAUT PELBAGAI WARNA, PERSPEKTIF, BH AHAD -58  |   |
| 11. | 'TAK BOLEH SEMBERONI SAHAJA', BISNES SINAR, SH -39  |   |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# DOF nafi laporan Traffic

**Laporan Malaysia antara 20 negara tangkap ikan yu paling tinggi tidak tepat**



Jabatan Perikanan (DOF) menafikkan laporan rangkaian pemantauan perdagangan hidupan liar global. *Traffic* bahawa Malaysia adalah negara kelapan tertinggi yang menangkap ikan yu. Menurut DOF, laporan *Traffic* pada 11 September lalu bahawa Malaysia menangkap purata 21,459 tan metrik ikan yu setahun antara 2007 hingga 2017 adalah tidak tepat kerana jumlah tersebut dicampur dengan pendaratan ikan pari.

Menurut kenyataan itu, DOF turut merangka Pelan Pemuliharaan dan Pengrusaan Ikan Yu bagi memastikan kesinambungan pengurusan spesies itu selain mengiktiraf enam spesies sasaran utama akifiti menangkap ikan sebaiknya ia ditangkap bersama dengan spesies ikan pari.

"Purata pendaratan yu daripada 2007 hingga 2017 ialah 7,027 tan metrik sahaja iaitu 0.4 peratus dari total 21,459 tan metrik ikan yu yang disenaraikan komersial lain sebagai

**LAPORAN TANGKAPAN IKAN YU**

DOF menjelaskan purata pendaratan yu di perairan Malaysia daripada 2007 hingga 2017 ialah 7,027 tan metrik sahaja iaitu 0.4 peratus sekitar gos menyangkal laporan *Traffic*.

pada jumlah pendaratan ikan marin "Malaysia," kata-nya menurut DOF dalam satu kenyataan di sini semalam.

DOF memberitahu, di Malaysia ikan yu bukanlah spesies sasaran utama akifiti menangkap ikan sebaiknya ia ditangkap bersama dengan spesies ikan pari. "Purata pendaratan yu daripada 2007 hingga 2017 ialah 7,027 tan metrik sahaja iaitu 0.4 peratus dari total 21,459 tan metrik ikan yu yang disenaraikan komersial lain sebagai

**Senarai 20 negara didakwa melakukan aktiviti tangkap ikan yu pada 2007 hingga 2017**

| Posing | Negara           | Jumlah tangkapon 2007-2017 (MT) |
|--------|------------------|---------------------------------|
| 1      | Indonesia        | 110,733                         |
| 2      | Sepanyol         | 78,443                          |
| 3      | India            | 67,391                          |
| 4      | Mexico           | 39,992                          |
| 5      | Amerika Syarikat | 37,387                          |
| 6      | Argentina        | 33,414                          |
| 7      | Taiwan           | 32,784                          |
| 8      | <b>MALAYSIA</b>  | <b>21,459</b>                   |
| 9      | Brazil           | 19,877                          |
| 10     | Nigeria          | 19,008                          |
| 11     | New Zealand      | 17,396                          |
| 12     | Portugal         | 17,015                          |
| 13     | Perancis         | 16,684                          |
| 14     | Jepun            | 16,357                          |
| 15     | Pakistan         | 14,934                          |
| 16     | Iran             | 13,596                          |
| 17     | Peru             | 10,872                          |
| 18     | Korea            | 10,504                          |
| 19     | Yemen            | 9,622                           |
| 20     | Ecuador          | 7,609                           |

\* Bilangan ton metrik (MT)

(Sumber: FAO FishStat 2019)

di bawah Konvensyen Perdagangan Antara bangsa Mengenai Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam Pupus (CITES).

DOF juga melaksana-kan syarat tambahan lesen kapal dan peralatan me-

nangkap ikan yang tidak membentarkan aktiviti penangkap ikan yu iaitu memotong atau memilih sirip ikan yu di atas bot atau kapal penangkapan ikan.

"Sebagai langkah pemantauan dan pengawalan eksplorasi sumber ikan yu, Kursus Identifikasi Ikan Yu dan Pari dijalankan secara tahunan melibatkan agensi pengnatiuasa," menurut kenyataan itu.

Setakat ini, sejumlah 68 spesies ikan yu ditemui dalam perairan Malaysia dan pengurusan sumber yang cekap, ekosistem marin serta kawasan pesisiran pantai yang subur penyumbang kelestarian hidupan itu. Lima spesies ikan yu dilindungi di bawah Akta Perikanan 1985, Peraturan Peraturan Perikanan (Penangalan Spesies Ikan Terancam 1999) iaitu rhincodon typus (yu paus), carcharhinus longimanus (yu sirip putih besar), sphyrna mokarran (yu tukul parang), sphyrna zygaena (yu tukul) dan eusphyra blochii (yu tukul palang). - Bernama

ikan yu di Sabah.

"DOF membangunkan Non-Detriment Findings bagi spesies sasaran sphyrna lewini serta menguaku-nya akan zero quota iaitu larangan aktiviti eksport bagi ikan yu yang disenaraikan

|            |                                   |             |                     |
|------------|-----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Dept denies report on shark catch |             |                     |
| MediaTitle | Daily Express (KK)                |             |                     |
| Date       | 22 Sep 2019                       | Color       | Full Color          |
| Section    | Nation                            | Circulation | 25,055              |
| Page No    | 2                                 | Readership  | 75,165              |
| Language   | English                           | ArticleSize | 239 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                               | AdValue     | RM 1,270            |
| Frequency  | Daily (EM)                        | PR Value    | RM 3,809            |



# Dept denies report on shark catch

**PUTRAJAYA:** The Fisheries Department on Saturday denied a report by Traffic, the wildlife trade monitoring network, that Malaysia ranked eighth in netting sharks in the world.

It said the report, released by Traffic last Sept 11, that Malaysia caught an average of 21,459 tonnes of sharks a year between 2007 and 2017 was inaccurate as the figure included landing of stingray.

"The average shark catch from 2007 to 2017 was only 7,027 tonnes per year, which is 0.4pc of Malaysia's total marine catch," it said.

According to the department, sharks are not the main target species for fishing activities, but they are caught with other commercial fish by trawlers, driftnets, traps and hooks.

The department, it said, was drafting a conservation and management plan for



sharks to ensure continuity in fish management, as well as to recognise six marine protected areas in Sabah as shark sanctuaries.

It said the department had also developed "non-detriment findings" (NDFs) of shark for the *Sphyrna lewini* species and also enforced the "zero quota", which is to prohibit trade or export of shark species, made under the Convention on International Trade of Endangered Species of Wild Fauna and Flora (Cites).

The department had also imposed additional conditions for fishing licence and fishing gear by prohibiting the licence holders from cutting off shark's fins or having the shark's fins on board their fishing vessels.

As part of the efforts to control and monitor the exploitation of shark's resources, courses to identify sharks and

stingray are held every year for enforcement agencies," it added.

According to the department, there are 68 shark species found in Malaysian waters, where efficient management of resources, the marine ecosystems and coastal areas contribute to the survival of the fish.

There are five shark species protected under the Fisheries Act 1985 and the Fisheries (Control of Endangered Species of Fish) Regulations 1999, namely the whale shark (*Rhincodon typus*), oceanic whitetip shark (*Carcharhinus longimanus*), great hammerhead shark (*Sphyrna mokarran*), smooth hammerhead shark (*Sphyrna zygaena*) and winghead shark (*Eusphyra blochii*).

It said the Agriculture and Agro-based Industry Ministry had also launched a campaign against serving shark's fin at government's official functions since 2014.

|            |   |             |                    |
|------------|---|-------------|--------------------|
| Headline   | Fisheries Dept refutes report on Malaysia's shark catch |             |                    |
| MediaTitle | Borneo Post (KK)  |             |                    |
| Date       | 22 Sep 2019   | Color       | Black/white        |
| Section    | Home  | Circulation | 18,290             |
| Page No    | 1   | Readership  | 54,870             |
| Language   | English   | ArticleSize | 93 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A   | AdValue     | RM 259             |
| Frequency  | Daily (EM)  | PR Value    | RM 778             |



## Fisheries Dept refutes report on Malaysia's shark catch

**PUTRAJAYA:** The Fisheries Department yesterday denied a report by Traffic, the wildlife trade monitoring network, that Malaysia ranked eighth in the highest catch of sharks in the world.

It said the report released by Traffic last September 11 that Malaysia caught an average of 21,459 metric tonnes of sharks a year between 2007 and 2017 was inaccurate as the figure included landing of stingray.

"The average shark catch from 2007 to 2017 was 7,027 tonnes only per year, which is 0.4 per cent of Malaysia's total marine catch," it said.

According to the department, sharks are not the main target species for fishing activities, but they are caught with other commercial fish as by catch when using trawlers, driftnets and traps and hooks.

The department, it said, was drafting a conservation and management plan for sharks to ensure continuity in fish management, as well as to recognise six Marine Protected Areas in Sabah as shark sanctuaries.

It said the department had also developed "Non-Detriment Findings" (NDFs) of shark for the *Sphyrna lewini* species and also enforced the "zero quota", which is to prohibit trade or export of shark species made under the Convention on International Trade of Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES).

The department had also imposed additional conditions for fishing licence and fishing gear by prohibiting the license holders from cutting shark's fins or having the shark's fins on board their fishing vessels.

## 25 belia belajar tanam cili bara teknik fertigasi

**Melaka:** Dalam usaha menambah pendapatan harian, 25 anak muda menyertai kursus tanaman cili bara secara fertigasi di Masjid Raudatul Jannah, Bukit Katil.

Program anjuran Majlis Pengurusan Komuniti Kampung Bukit Bayan (MPKK) Kampung Bukit Bayan dengan kerjasama MARDI Negeri Melaka itu mendedahkan peserta dengan teknik berkaitan proses awal sehingga pengeluaran hasil.

Pengerusi MPKK Kampung Bukit Bayan, Abd Rahman Muhamad, berkata tanaman cili bara dipilih berikutan pasaran yang luas, permintaan tinggi dan harga menarik.

menggunakan tanah juga menjimatkan ruang dan boleh diusahakan, termasuk di taman perumahan dan kediaman tanpa modal yang besar.

“Malah, hasil boleh dikutip selepas tujuh minggu dan setiap pokok mampu mengeluarkan hasil sehingga 24 minggu (enam bulan).

“Harga sehingga RM15 sekilogram di pasaran mampu membahkan pendapatan sampingan selain untuk kegunaan penduduk setempat dan keluarga,” katanya.

Majlis perasmian disempurnakan

Pengerusi Jawatankuasa dan

Penyelaras Dewan Undangan

Negeri (DAPERUN) Bukit Katil,



*Anak-anak muda yang menyertai kursus tanaman cili bara secara fertigasi di Masjid Raudatul Jannah, Bukit Katil.*  
*(Foto Nazri Abu Bakar/BH)*

Datuk Bakrin Sidek. Yang turut hadir, Pengarah MARDI Negeri Melaka, Saniyah Kormin. Abd Rahman berkata, peserta turut diberi pendedahan berkaitan teori dan praktikal yang amat bermanfaat untuk dimulakan di rumah sendiri.

Penduduk, Minhat Abd Rah-

man, berkara kejayaan seorang pe-

kerja yang kini memiliki 5,000 beg

plastik dengan keluasan kira-kira

0.4 hektar menjadi pemangkin ke-

pada minat yang lebih besar.

Katanya, ia mampu menghasil-

kan 50 kilogram sehari yang di-

pasarkan di bandaraya Melaka

dan negeri berhampiran termasuk Johor dan Negeri Sembilan.

|            |  |             |                     |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline   | Pelan Pembangunan Pertanian Sabah dilancar Oktober ini |             |                     |
| MediaTitle | New Sabah Times Bahasa (KK)                            |             |                     |
| Date       | 22 Sep 2019  | Color       | Full Color          |
| Section    | Semasa   | Circulation | 11,025              |
| Page No    | 1  | Readership  | 33,075              |
| Language   | Malay  | ArticleSize | 318 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A  | AdValue     | RM 1,761            |
| Frequency  | Daily (EM)   | PR Value    | RM 5,284            |



# Pelan Pembangunan Pertanian Sabah dilancar Oktober ini

KUDAT: Pelan Pembangunan Pertanian Sabah akan dilancarkan Oktober ini, kata Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Beliau berkata berkata pelan pembangunan itu perlu dilancarkan segera sebelum pembentangan Bajet Negeri dijangka dilaksanakan November ini bagi membolehkan kerangka pelan berkenaan dimasukkan dalam belanjawan tahun depan.

Menurutnya, Pelan Pembangunan Pertanian Sabah adalah seling dengan hasrat kerajaan negeri untuk memperkasa sektor industri asas tanu sekali gus menggalakkan pembabitan penduduk khususnya golongan belia dalam pertanian berteknologi tinggi.

Pelan ini adalah kerangka lebih komprehensif dalam usaha kerajaan negeri memastabatkan keupayaan masyarakat yang berkecimpung dalam pertanian dan perikanan selain (dapat mengenal pasti) bidang mana yang boleh diberikan lebih

banyak fokus bukan hanya bantuan tetapi juga tunjuk ajar, bimbingan dan latihan bagi memastikan (produk) mereka sampai ke pasaran.

"Rangkaian dengan pihak industri dan pasaran juga akan ditingkatkan. Selain amalan pertanian baik dan sihat serta penggunaan teknologi baharu juga akan dapat diperkaskan (menerusi pelan pembangunan itu)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat Sabah di sini kelmarin.

Mohd Shafie berkata sektor pertanian dan industri asas tanu di Sabah berpotensi besar tidak hanya untuk pasaran tempatan tetapi juga antarabangsa memandangkan pertambahan populasi penduduk yang mendorong permintaan meningkat sekali gus memastikan ketelamatan makanan terjamin.

Peluang itu perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk Sabah dengan membangunkan

tanah dimiliki dengan menerapkan teknologi baharu bagi menghasilkan produk industri asas tanu bermutu tinggi yang mampu menjana sumber kekayaan negeri serta ekonomi rakyat Sabah, katanya.

Dalam pada itu, Mohd Shafie berkata, kerajaan Sabah juga akan memperbaharui serta menyusun atur beberapa kaedah dalam sektor perbankan negeri termasuk Bank Pembangunan Sabah supaya ia menjadi saluran memudahkan golongan tanu tempatan mendapatkan bantuan kewangan bagi memulakan perniagaan dalam bidang itu.

Pembaharuan sektor perbankan Sabah itu penting memandangkan sebelum ini bantuan kewanginan kepada golongan tanu tidak begitu banyak dan agak terbatas, katanya.

Terdahulu, Mohd Shafie ketika berucap berbincang, gerakan besar-besaran dalam sektor pertanian Sabah perlu dilakukan bagi mem-

bolehkan negeri itu tidak hanya sebagai pengguna tetapi juga mampu menjadi pengeluar dan pengeksport produk pertanian dan industri makanan.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Industri Makalan Sabah Datuk Junz Wong berkata, kerajaan akan memastikan dasar kerajaan selari dengan keperluan industri bagi mewujudkan persekitaran kondusif untuk penghasilan makanan dalam usaha mencapai tahap kecukupan sara diri selain menambah nilai hasil produk pertanian.

Selain pengeluaran produk segar, kerajaan turut merancakkan pembangunan industri hilir pertanian selain mengalakkan syarikat peneraju pelbagai komoditi menjamin kesinambungan bekalan serta kostabilan harga hasil ladang bagi memberi peluang kepada pemprosesan hasil pertanian, penternakan dan perikanan, katanya. -Bernama

|            |  |             |            |
|------------|--|-------------|------------|
| Headline   | Pelan Pembangunan Pertanian dilancar Okt       |             |            |
| MediaTitle | Daily Express - Malaysia (dailyexpress.com.my) |             |            |
| Date       | 22 Sep 2019                                    | Color       | Full Color |
| Section    | News   | Circulation | 4          |
| Order Rank | 5  | Readership  | 1          |
| Language   | English  | ArticleSize | N/A        |
| Journalist | N/A  | AdValue     | RM 1,600   |
| Frequency  | Daily  | PR Value    | RM 4,800   |

## Pelan Pembangunan Pertanian dilancar Okt

Published on: Sunday, September 22, 2019 By: Patimang Abdul Ghani

KUDAT: Pelan Pembangunan Pertanian Sabah bagi meningkatkan keluaran pertanian di negeri ini akan dilancarkan pada Oktober tahun ini kata Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.S...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

|            |  |             |                     |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline   | Pelan Pembangunan Pertanian dilancar Okt |             |                     |
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK)                      |             |                     |
| Date       | 22 Sep 2019                              | Color       | Black/white         |
| Section    | Tempatan                                 | Circulation | 25,055              |
| Page No    | 1  | Readership  | 75,165              |
| Language   | Malay                                    | ArticleSize | 394 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | Patimang Abdul Ghani                     | AdValue     | RM 837              |
| Frequency  | Daily (EM)                               | PR Value    | RM 2,512            |



# Pelan Pembangunan Pertanian dilancar Okt

**Patimang Abdul Ghani**

KUDAT: Pelan Pembangunan Pertanian Sabah bagi meningkatkan keluaran pertanian di negeri ini akan dilancarkan pada Oktober tahun ini kata Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal.

Shafie berkata, pelan pembangunan itu merupakan kerangka lebih komprehensif bagi membolehkan lebih banyak fokus kepada bidang perikanan, pertanian dan pemakanan.

Katanya, secara ringkas kaedah tersebut merupakan penggunaan teknologi baharu serta penggunaan tanah sebaik mungkin dalam memajukan sektor pertanian.

"Kita sudah ada kerangka dan saya yakin rancangan ini akan dapat kita susun atur dengan baik."

"Kerana bukan hanya agensi kerajaan, bahkan juga masyarakat perlu kita bangunkan supaya ia menjadi satu gerakan yang berskala besar.

"Kita tidak perlukan tanah yang luas, kerana kita menggunakan teknologi seperti ferrigasi, iaitu dengan hanya menggunakan air untuk menghasilkan sayur-sayuran."

"Katau kita mempunyai pendekatan keupayaan teknologi baharu, saya yakin kehususan tanah bukan menjadi perhitungan, tetapi keupayaan kita untuk membatikan diri supaya pendekatan baharu dapat kita gunakan, manfaatkan untuk keberhasilan pengeluaran pertanian khususnya di peringkat negeri Sabah," katanya.

Shafie berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Sambutan Hari Peladang, Penterak dan Nelayan Negeri Sabah (HPPNS) di Esplanade Sidek, Kudat pada Sabtu.

Hadir sama pada majlis tersebut, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Datuk Junz Wong, Menteri Pelajaran dan Inovasi Datuk Dr Yusof Yacob dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Ewon Benedict.

Menurut Shafie, sektor pertanian dan makanan mempunyai potensi yang besar dan amat baik bukan hanya bagi negeri ini, bahkan negara kita, memandangkan permintaan semakin meningkat.

Dalam pada itu, Shafie menegaskan bahawa beliau mahu wang negeri Sabah digunakan hanya untuk pembangunan negeri ini dan bukannya negeri lain.

"Saya malu duit Sabah dalam bank Pembangunan Sabah yang dimiliki negeri ini digunakan dan dilabur. Kita sangat memerlukan duit kerana kita banyak sumber yang perlu diusahakan demi rakyat dan negen ini."

"Kita tidak mahu wang milik negeri ini dibelanjakan untuk pelaburan atau pembangunan negeri lain sebagaimana yang dilakukan pemerintah terdahulu."

"Sedangkan kita sedar bahawa negeri Sabah memerlukan sumber kewangan untuk dimanfaatkan sepenuhnya bagi menjana kewangan negeri Sabah dan membantu masyarakat usahawan negeri ini khususnya."

Shafie berkata, beliau juga mahu agar institusi kewangan dapat mempermudahkan pinjaman kewangan sedia ada untuk pengusaha seperti petani, nelayan dan penterak di negeri ini.

Pada majlis itu, Shafie turut menyampaikan sijil High Achievers kepada 65 penerima, dan 13 penerima anugerah kepada pemenang sempena Hari Peladang, Penterak dan Nelayan peringkat negeri itu.

Shafie juga menyerapkan peruntukan khas benih, bibit, baja, dan subsidi padu bukit kepada jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah (MAFI).

Sambutan itu turut dimeriahkan dengan gerai pameran 31 agensi kerajaan, 36 badan swasta, serta 68 gerai jualan usahawan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan lebih 30 gerai jualan makanan.

|            |  |             |            |
|------------|--|-------------|------------|
| Headline   | Agriculture Blueprint akan dilancar Oktober ini  |             |            |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online ( <a href="http://www.utusanborneo.com.my/">http://www.utusanborneo.com.my/</a> ) |             |            |
| Date       | 22 Sep 2019  | Color       | Full Color |
| Section    | News   | Circulation | 4          |
| Order Rank | 10   | Readership  | 1          |
| Language   | English  | ArticleSize | N/A        |
| Journalist | N/A  | AdValue     | RM 600     |
| Frequency  | Daily  | PR Value    | RM 1,800   |

## Agriculture Blueprint akan dilancar Oktober ini

KUDAT: Agriculture Blueprint yang bertujuan untuk meningkatkan hasil keluaran pertanian dan makanan di negeri ini akan dilancarkan pada bulan Oktober, kata Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal. Menurut Shafie, Agriculture Blueprint merupakan...

*To read the rest of the article, click **[View Full Article](#)***

Oleh Nurul Husna Mahmud  
nurul\_husna@hmetro.com.my

**Mengunjungi** perkampungan Orang Asli Seletar di Kampung Kota Masai, Johor Bahru, Johor baru-baru ini, rasanya tidak sukar memahami betapa mereka masih berpegang pada gaya hidup tradisi.

Sabtu waktu rutin harian mereka turun ke laut menangkap ikan dan hanya pulang awal pagi keesokan harinya atau tengah malam bagi menurunkan hasil laut.

Apabila air surut dan bot tidak dapat ke laut, waktu itu mereka membersihkan hasil laut seperti kupang untuk dijual kepada peraih mahupun pengusaha restoran.

Berkenaan Orang Asli Seletar yang turut digelar 'gipsi laut' suatu ketika dulu mereka, banyak menghabiskan masa di atas sampan dan hidup nomad.

Sejain laut mereka banyak menghabiskan masa di kuala sungai.

Jadi tidak hairanlah kehidupan masyarakat itu cukup terkesan apabila wujud aktiviti



FOTO ZAINAHMO S INIANTO/PETRONAS

LUAS jajaran perangkap kupang di perairan laut Pengerang

## NAFAS BAHARU 'GIPSI LAUT'

Projek ternakan kupang inisiatif Petronas beri pendapatan lebih baik kepada nelayan Orang Asli Seletar



PEMANDANGAN jaring kupang untuk projek pemuliharaan mata pencarian nelayan



LAKUKAN penyirikan kupang daripada tali perangkap

industri yang memberi perubahan kepada ekosistem di perairan sekitar terutama Pengerang.

Melihat kepada usaha pembangunan ekonomi komuniti itu, seramai 100 nelayan Orang Asli Seletar dari lima kampung terbabit dengan projek akuakultur ternakan kupang.

Projek berkenaan adalah inisiatif Petronas Refining and Petrochemical Corporation (PRPC) Sdn Bhd bersama Pengerang Refining and Petrochemical (PRefChem) menerusi Program Pemuliharan Mata Pencarian sejak Mac lalu.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan Aziz Mohd

Aziz, berkata usaha itu disambut baik kerana membangunkan komuniti setempat terutama nelayan kecil yang terkesan dengan projek industri di kawasan berkenaan, malah meningkatkan lagi jumlah penghasilan kupang dari kawasan berkenaan.

"Tindakan Petronas menaja projek ternakan kupang bagi masyarakat Orang Asli Seletar antara usaha korporat yang boleh dijadikan contoh dalam membantu komuniti."

"Disertai seramai 100 nelayan bermakna antara 500 hingga 600 ahli keluarga nelayan dapat manfaat kerana menawarkan pendapatan tambahan kepada

LADANG kupang menggunakan kaedah biasa lebih ekonomi.



PENDUDUK kampung menuai kupang.

isi rumah.

"Aktiviti ternakan kupang di kawasan itu antara paling bagus kerana ekosistem perairannya yang sesuai.

"Malah dibandingkan mana-mana tempat, 'ladang' kupang ini yang terbesar di Malaysia," katanya.

Tidak muh program memperkasakan komuniti terjejas dengan aktiviti Pengerang hanya memberi pulangan sementara mahupun dikatakan 'syok sendiri'. Petronas menjalankan tinjauan lapangan dan kajian penuh berkenaan kesesuaian jenis bantuan atau inisiatif dilaksanakan terlebih dahulu.

Ketua Pemegang Kepentingan, Komunikasi dan Bahagian Pengurusan Risiko PRPC, Datin Anita Azrina Abdul Aziz melihat prospek ternakan itu kurang risiko tetapi memberi pulangan baik selain sesuai untuk memperkasakan masyarakat Orang Asli berkenaan.

"Dulu ada 30 hingga 40 nelayan di sini menjadikan perairan Pengerang sebagai kawasan menangkap ikan.

"Disebabkan faktor keselamatan, kini aktiviti menangkap ikan tidak dibenarkan di kawasan itu.

"Kami berasa bertanggungjawab membantu memulihkan semula mata pencarian mereka menerusi Program Pemulihan Mata Pencarian dengan peruntukan sekitar RM1.5 juta merangkumi latihan, pembentahan peralatan, pemantauan air dan lain-lain selama tiga tahun.

"Mengenai ternakan 'ladang' kupang ini pemasangan perangkap dijangka berlangsung dalam dua fasa.

"Untuk fasa pertama kita sudah memasang tiga tali besar perangkap kupang bersamaan dengan 3,000 tali perangkap kecil pada Mac lalu," katanya.

Dijangka hasil kupang pertama bakal ditutup pada September atau Oktober laju kira-kira enam bulan selepas perangkap dipasang.



PEMANDUAN dari kampung Kota Masai.



ANITA Azrina (kanan) dan Aziz (tga dari kanan) melihat hasil kupang di ladang kupang Kota Masai.



PEMBERIHAN kupang diupah mengikut gun-



PERKAMPUNGAN nelayan Orang Asli Seleter.



# Hidupan laut pelbagai warna

Ternak terumbu karang, kekalkan ekosistem laut

Oleh Osman Lisut

[osman@fbu.com.my](mailto:osman@fbu.com.my)

Bagi penyelam scuba atau pemintat snorkeling, bagaiakah satu kejadian apabila melihat keindahan terumbu karang lebih-lebih lagi yang pelbagai warna serta bentuk?

Seakan terihilur dengan tengokan terumbu karang yang dibentuk lembut azas laut, dirambat puli kehadiran ukuran kecil berterang-terang di sini-sana menambahkan kesyikilan.

Antara lokasi pilihan menyelam ialah Pulau Sipadan, Pulau Mabul, Pulau Perhentian, Pulau Wolong, Pulau Layang Layang, Pulau Linkayan, Pulau Lang Tengah, Pulau Tongkol dan Pulau Romani.

Inti kerana terdapatnya puluhan spesies terumbu karang daripada keluarga tubipora.

canthellia, lobophyllia, galaxea, physogyra, montipora, psammocora, trachyphyllia, platygryra, ciemactis, ringa, acropora, pocillopora dan poritopora.

Bagaimanapun, sejak koh ekakangan ini terumbu karang yang juga 25 peratus ekosistem marin mutu terancang gara-gara perubahan iklim, penghancuran habitat dan permasaran air.

Begitu juga, skop manias seniorni dengan melakukan penyuatan dengan menumpahkan sisa minyak di laut menyaksikan banyak terumbu karang mati, termasuk di Great Barrier Reef di Australia.

## Kehidupan marin

Institusi Aquaria KLCC dengan kerjasama Jabatan Taman Laut Malaysia (JTL) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mengamati insian memuliharanya.

Tambah pula, terumbu karang yang menggunakan berbilirbir bukan untuk berkembang dan membesar, sudah pasti berdepan ancaman serius jika tidak dipulihara.

Terumbu karang yang dibakar akan diformalkan di perairan Pulau Bidong, Terengganu yang kini diwartakan sebagai Taman Laut Malaysia.


Pensyarah Fakultas Marin dan Sains Alami Sekitar UMT, Dr James Tan Chung Hong, berkata ramai berpendapat terumbu

karang adalah batu, tetapi sebenarnya adalah sijcis kehidupan marin.

"Terumbu karang bukan batu, sebaliknya haiwan karang ada jantain berfungsi dan ia boleh diterak dan membesar."

"Rata-raya yang begitu terus melihat keindahan terumbu karang hingga tidak sedar masya-entuhnya, walaupun ia boleh memakan hidupan berkenaan."

Justeru, dengan kerakaran pensyarah bio-marin UMT, kami meminta ternak pelbagai spesies terumbu karang, sekali gus mampu mengurangkan ancaman hidupan marin itu," katanya kepada BH.




Keunikan dan keindahan batu karang mengagumi kehadiran penyelam scuba di Terengganu



## Info

### Terumbu karang

- Satu ekosistem marin yang unik, kompleks dan tinggi produktiviti yang wujud sejak berbilir tahun, malah berjuta tahun dahulu.
- Kebanyakan terumbu karang yang tua wujud sejak 25 juta tahun.
- Terumbu karang hidup subur pada suhu 20 derjah Celsius hingga 28 derjah Celsius.
- Mendapatkan makanan melalui hasil fotosintesis, zooxanthella dan karang laut menangkap zooplankton dengan menggunakan tentakel polip.
- Pertengahan 2012, sebanyak 23 spesies karang keras dan 6 spesies karang lembut menjalani proses penanaman semula.
- Karang keras - Favites abdita, Favites pentagona, Galaxea fascicularis, Goniopora columnaria, Lobophyllia oymbose, Lobophyllia hemprichii, Pachyseris rugosa, Pavona decussata, Pectinia spp, Pocillopora damicornis, Porites lobata, Sympyphilla sp, Turbinaria pertilata dan Echinophyllia sp.



Anne bersama salah satu kek yang dihasilkan oleh My Mum's Bakery.

Anne bersama anugerah Ikon Usahawan Muda 2019 yang diterimanya pada Minggu Usahawan Wanita 2019 di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang Selangor baru-baru ini.

## 'Tak boleh semberono sahaja'

**Pengasas My Mum's Bakery nasihat orang ramai tuntut ilmu sebelum berniaga**

NOOR AZURA SAHRI.

Meskun mencebur ke dalam perniagaan menjalankan pulangan yang lumayan namun mengusahakannya tanpa ilmu hanya akan merugikan diri sendiri.

Bagi Pengasas My Mum's Bakery, Siti Saleha Idris, 35, pengalaman lalunya memberikan pengajaran paling bermakna dan tidak mahu orang lain yang baru berjirak-jinak dalam perniagaan mengalami nasib serupa.

Meskipun dalam perniagaan tidak lari daripada cabaran, beliau yang mesra dipanggil Anne Idris mahu golongan itu berilmu dalam menghadapi pancaroba dunia perniagaan.

"Jangan kerana orang lain bermula, anda pun ingin melakukan perkara sama. Ilmu perlu ada untuk bermula. Tidak boleh semberono sahaja."

"Saya pernah melalui semua itu dan tidak mahu orang lain mengalami perkara sama," katanya yang pernah kerugian RM130,000 hanya kerana tiada ilmu dalam perniagaan.

Begairmanapun, wanita yang berasal dari Taping, Perak itu tidak mudah mengalah.

Menyedari kesilapan dan kelemahan dirinya, beliau kembali bangkit meneruskan impianinya untuk bergelar ahli perniagaan.

"Dalam diri saya tiada istihabat mudah puas dengan sesuatu dan bukan mudah berada di kedudukan sekarang," katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di kedainya di Bandar Pinggiran Subang, Selangor baru-baru ini.

Siap sangka, di sebalik kejayaannya itu, pelbagai jerih perih dilaluinya akhirnya menjadikan Anne seorang wanita yang cekal dan kuat semangatnya.

### Tebus kesilapan lalu

Mengimbau kembali keperitan dilaluinya, Anne berkata, beliau pernah mengalami kerugian dan diisytiharkan bankrap apabila kedai yang diusahakannya sejak 2006 tidak lagi memberikan keuntungan.

"Saya bermula dengan impian untuk membantu meningkatkan taraf kehidupan keluarga. Dengan modal yang saya simpan ketika bekerja serta bantuan daripada keluarga, saya membuka kedai kek dengan hanya bersandarkan resipi ibu tercinta."

"Mula-mula saya menghasilkan kek krim mentega dan menjual di kedai saja. Oleh kerana tiada ilmu, akhirnya perniagaan jatuh merudum," katanya.

Dalam tempoh itu, Anne berkata, kedai dirantai kerana beliau tidak mampu membayar sewa manakala keretanya pula ditarik bank.

"Saya terpaksa berjalan kaki bersama ibu sejauh enam kilometer ke kedai bakeri."

"Saya sebak melihat kepayahan yang terpaksa dilalui ibu dan bermula detik itu, saya tekad untuk berubah dan menebus kesilapan lalu," katanya.

Sejak itu, katanya, beliau mula muhasabah diri dan membuat perancangan untuk kembali membangunkan semula My Mum's Bakery.

Berkat kegigihannya, perniagaan My Mum's Bakery semakin dikenali dan produknya berjaya menembusi pasaran di stesen minyak Petronas sekitar Lembah Klang dan pasaran luar negara.

### Pembuat kek termahal

Selepas kejatuhan, Anne menggunakan platform pasar tani dengan bantuan Lembaag Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk memasarkan kek keluarannya di sekitar Shah Alam, Selangor.

"Di sinilah, saya belajar erti perniagaan sebenar dengan berurusan secara terus dengan pelanggan," katanya.

Berbekalkan modal daripada Tabung Ekonomi Usahawan Nasional (Tekun) sebanyak RM50,000, Anne mula membina

jenamanya sendiri dengan menjual produknya secara dalam talian bagi mengembangkan perniagaannya itu.

Beliau juga meningkatkan kemahiran dengan mengikuti diploma dalam jurusan *cake artistry* berbanding belajar menerusi YouTube sebelum itu.

"Rezeki saya semakin bertambah baik apabila kek saya ditempuh oleh golongan kenamaan, selebriti dan VIP malah dikenali sebagai pembuat kek termahal," katanya.

Katanya, antara kek yang pernah dihasilkannya adalah kek perkahwinan selebriti Anzalna dan Amry Rosli.

Jelasnya, beliau juga pernah menghasilkan kek Bawal Eksklusif bernilai RM15,900 diikuti kek perkahwinan Swarovski pertama di Malaysia berharga RM47,000.

Malah, tambahnya, beliau turut diberi peluang menghasilkan kek untuk Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdul Aziz Al Saud yang dipersembahkan di Seri Perdana Putrajaya pada 2017.

### Ikon usahawan muda

Bagi memperkuatkukannya lagi perniagaannya, beliau mewujukkan Anne Idris Holdings Sdn Bhd.

Dibawah syarikat itu, terdapat My Mum's Bakery, Anne Idris Academy dan Anne Idris Health & Beauty.

Atas usaha dan kejayaan itu,

info

Pernah menghasilkan kek Bawal Eksklusif bernilai RM15,900 dan kek perkahwinan Swarovski pertama di Malaysia berharga RM47,000

Anne turut diangkat sebagai salah seorang ikon usahawan bagi Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Tekun, Majlis Antara Rakyat (Mara), FAMA dan dilantik menjadi Ikon Business bagi TM, UNIFI untuk program #Khabarbaik.

Selain itu, beliau juga menjadi konsultan kepada Mara di dalam bidang bakeri dengan membantu usahawan dan pelajar lepasan GiatMara.

Terbaru, beliau dianugerahkan pula sebagai Ikon Usahawan Muda 2019 pada Minggu Usahawan Wanita 2019 yang berlangsung di Tapak Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS).

Menurut Anne, anugerah yang diterimanya itu telah mengiktiraf usahanya selama ini dalam memperjuangkan perniagaan My Mum's Bakery.

"Sudah tentu saya mempunyai tanggungjawab yang besar sebagai duta dan ikon."

"Masyarakat di luar sana pastinya ingin mengetahui apa yang akan saya lakukan selepas ini," katanya.